



PENYELESAIAN MASALAH MURTAJAD (RIDDAH)

MENGIKUT PERUNDANGAN

(Penekanan Kepada Negeri Kelantan, Kedah  
Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan)

OLEH

GHAFANI BIN AWANG TEH

Kertas Projek ini dikemukakan kepada Universiti  
Islam Antarabangsa Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan Diploma  
Undang-Undang Dan Pentadbiran Kahakiman Islam.

Di bawah Penyelia

ENCIK ABDULLAH BIN ABU BAKAR

FAKULTI UNDANG-UNDAIG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA, SELANGOR  
DARUL EHSAN.

SINOPSIS

Kertas projek ini bertajuk 'Penyelesaian Masalah Murtad (Riddah) mengikut perundangan : Penekanan kepada Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

Kertas projek ini terbahagi kepada empat bab. Bab pertama menekankan kepada pengertian murtad dan sejarahnya pada peringkat awal pemerintahan Islam. Beberapa pendapat fuqaha' dan ulama' dikemukakan untuk menjelaskan bantubung dengan murtad itu. Keterangan fuqaha ini disokong dengan beberapa peristiwa kes murtad yang berlaku di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan Khulafa Al-Rasyidin.

Dalam Bab III - pula menjelaskan bantubung dengan implikasi keatas orang Islam yang melakukan murtad. Isu penting dalam bab ini ialah penerangan mengenai terus putus hubungan orang yang murtad dengan masyarakat Islam. Orang yang disabitkan kesalahan murtad ini tidak ada pilihan untuk menjadi kafir Ahli Kitab, kafir Zimmi atau Kafir Harbi. Oleh itu mereka dihukum bunuh kecuali ia bertaubat.

SINOPSIS

Kertas projek ini bertajuk 'Penyelesaian Masalah Murtad (Riddah) mengikut perundangan : Penekanan kepada Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.'

Kertas projek ini terbahagi kepada empat bab. Bab pertama menekankan kepada pengertian murtad dan sejarahnya pada peringkat awal pemerintahan Islam. Beberapa pendapat fuqaha' dan ulama' dikemukakan untuk menjelaskan berhubung dengan murtad itu. Keterangan fuqaha ini disokong dengan beberapa peristiwa kes murtad yang berlaku di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan Khulafa Al-Rasyidin.

Dalam Bab II - pula menjelaskan berhubung dengan implikasi keatas orang Islam yang melakukan murtad. Isu penting dalam bab ini ialah penerangan mengenai terputus hubungan orang yang murtad dengan masyarakat Islam. Orang yang disabitkan kesalahan murtad ini tidak ada pilihan untuk menjadi kafir Ahli Kitab, kafir Zimmi atau Kafir Harbi. Oleh itu mereka dihukum bunuh kecuali ia bertaubat.

Manakala dalam Bab III pula menekankan kepada peruntukan Undang-Undang Murtad dalam Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia. Bab ini merupakan bahagian yang penting dalam kertas projek ini. Isu yang utama dalam bab ini ialah sejauh mana terdapat peruntukan undang-undang murtad dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syariah dan Undang-undang Keluarga Islam khususnya di Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan dan apakah peruntukan yang ada itu dapat menyelesaikan kes-kes murtad. Satu lagi perkara penting disentuh dalam bab ini ialah hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Malaysia dan dibandingkan dengan Islam.

Dalam bab IV – bahagian yang tarakhir sekali dalam kertas projek ini. Perkara yang disentuh ialah penilaian, cadangan dan kesimpulan. Isu penting dalam bahagian ini ialah cadangan pindaan perkara II Perlembagaan Persekutuan dan Jadual Ke-9 Senarai Negeri.

Bermiktion beberapa isu dan penerangan yang dibincangkan dalam kertas projek ini. Mudah-mudahan ia dapat menuhi kehendak dan tujuan tajuk kertas projek ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah. Salawat dan salam keatas Rasul pilihan Muhammad s.a.w. Penulis amat bersyukur kehadrat Allah Yang Maha Agung, yang dengan limpah kurnia dan petunjuknya dapatlah penulis menyiapkan kertas projek ini.

Kertas projek ini yang bertajuk "Penyelesaian Masalah Murtad (Riddah) mengikut perundangan : penekanan ~~kehadiran~~ kepada Negeri Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan," ini disusun untuk memenuhi sebahagian dari syarat-syarat untuk memperolehi Diploma Undang-Undang Dan Pendaftaran Kehakiman Islam.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa terhutang budi kepada Encik Abdullah bin Abu Bakar, dari Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa yang bersedia dan sanggup menyelia, memberi panduan, bimbingan dan tunjuk ajar di dalam kajian ini.

Selain daripada itu penulis juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Saudara Othman Mustapha dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Pendaftar Mahkamah Rayuan

Syarikat Kota Bharu Kelantan, dan kawan-kawan yang mengikuti program Diploma pada sessi ini (37/S3) kerana membantu dan memberi pinjim buku-buku dan laporan kes yang berkaitan untuk menyiapkan kartas projek ini.

Mudah-mudahan Allah sahaja yang dapat memberi balasan pahala kepada mereka yang membantu menjayakan kartas projek ini.

GHAFI' AWANG TEH

Bahagian Hal Ehwal Islam,  
Jabatan Perdana Menteri.

24 Syawal, 1408

9 Jun, 1988.

## DAFTAR ISI

<u>Tajuk</u>		<u>Halaman</u>
1. Sinopsis	... ... ... ...	i - ii
2. Penghargaan	... ... ... ...	iii - iv
3. Daftar Isi.	... ... ... ...	v - vi
4. Pendahuluan	... ... ... ...	vii - viii

### BAB I - PENGERTIAN MURTAD DAN SEJARAHNYA

1.1. Pengertian Murtad	... ...	1 - 6
1.2. Syarat-syarat Sah Murtad	...	7 - 12
1.3. Peruntukan Murtad Dalam Al-Quran Dan Sunnah	...	13 - 31
1.4. Peristiwa Murtad Di Zaman Khulafa' Al-Rasyidin	...	32 - 40

### BAB II - IMPLIKASI MURTAD DAN HUKUMANNYA

1. Hukuman Bunuh Keatas Orang yang murtad	... ... ...	41 - 43
2. Murtad Dan Taubat	... ...	44 - 53
3. Perkahwinan Dan Kedudukan Harta Orang Murtad	... ...	54 - 57
4. Sabit Orang Murtad	... ...	58 - 63

BAB III - PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG MURTAD DALAM  
PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

1.	Peruntukan Undang-Undang Murtad Sebelum Kedatangan Penjajah	...	...	...	64	-	66
2.	Undang-Undang Murtad Dalam Pentadbiran Undang-undan Islam di Malaysia	...	...	...	67	-	84
3.	Kebebasan Beragama Dalam Perlembagaan Persekutuan Dan Syariat Islam	...	...	...	85	-	92
4.	Murtad Tiada Kaitan Dengan Kebebasan Beragama	...	...	...	93	-	95

BAB IV - PENILAIAN, CADANGAN DAN KSEIMPULAN

1.	Penilaian	...	...	...	...	...	96	-	99
2.	Cadangan	...	...	...	...	...	100	-	109
3.	Kesimpulan	...	...	...	...	...	110	-	113

PERINTAHAN

Persoalan murtad atau Riddah merupakan ancaman besar terhadap perkembangan dan kemajuan negara Islam. Memandangkan hal ini dan ancaman yang akan menimpa umat Islam inilah ramai ulama ikut memberi umat cendekiawan Islam telah tampil mengemukakan nasihat-nasihat dan pandangan agar manusia Islam segera menyadari dan menghindari perbuatan murtad ini. Di antara tokoh-tokoh yang lantang menyuarakan pandangan ini ialah Al-Syahid Imam Hassan Al-Banj, Al-Syahid Sayyid Cutb, Al-Syahid Syeikh Abdul Kadir Audah, Said Hawa, dan Abu Hassan Ali Al-Nadawi. Menurut cendekiawan-cendekiawan Islam ini fahaman sekularisme adalah punca utama yang menimbulkan gejala-gejala murtad di kalangan orang-orang Islam.

Jika kita mengkaji peristiwa murtad dalam sejarah Islam, sebaik sahaja Junjungan Nabi Muhammad s.a.w. wafat, telah timbul gerakan untuk memurtadkan negara Islam yang berpusat di Madinan. Gerakan murtad ini disokong oleh penduduk Yahudi dan Kristian. Dengan kebijaksanaan Khalifah Abu Bakar, beliau telah bertindak cepat dan beliau mengisahkan "Hurub al-Riddah" untuk menghapuskan gerakan murtad itu.

Kemudian sumber-sumber sejarah jika Abu Bakar tidak bertindak demikian Negara Islam itu akan hancur.

Di Malaysia orang-orang Islam boleh menukar agamanya kepada agama kafir yang lain secara bebas. Tidak ada hukuman jenayah dikenakan keatas orang Islam itu. Mahkamah Syariah tidak dapat berbuat demikian kerana diluar bincangkusanya. Oleh itu siapakah yang berdosa dalam perkara ini.

Kajian ini dibuat empat buah negeri sahaja iaitu, Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan. Sebenarnya empat buah negeri ini menggambarkan keseluruhan kedudukan peruntukan wurtad di tiap-tiap negeri.

## Bab I : Pengertian Murtad Dan Sejarahnya

### 1.1. Pengertian Murtad:

Murtad ertinya memutuskan Islam dengan sengaja kerana niat atau perkataan atau perbuatan yang mengkafirkan, sama ada secara memperolok-olok atau menentang atau yang diiktihadkan. Menurut Nawawi perkataan yang dianggap murtad itu misalnya: menafikan pdanya Allah dan Rasulnya; atau mengatakan Rasul itu adalah pembohong (palsu); atau menghalalkan apa yang diharamkan seperti mana telah di Ijma'kan; atau mengharamkan apa yang dihalalkan oleh ijma'; atau berniat untuk menjadi kafir besoknya walaupun sekejap atau meragui terhadap kebenaran Islam.<sup>1</sup>

Selanjutnya Nawawi menegaskan dari segi perbuatan yang dianggap murtad misalnya : dengan sengaja mengejek-ngejek atau menafikan agama Islam seperti melontar benda-benda yang kotor terhadap Al-Qur'an, sujud kepada berhala, atau menyembah matahari.<sup>2</sup>

Mengikut Muhammad Hamidullah yang memetik pendapat Mawardi menarangkan bahawa murtad bermakna menganut agama lain selepas menjadi Islam. Ia terjadi bukan sahaja apabila seseorang itu mengistiharkannya telah keluar daripada

- 
1. Nawawi, Minhaj Talibin, Singapura/Judah Al Haramain, t.t. hal 120.
  2. Nawawi, Minhaj Talibin, hal. 120.

Islam tetapi berkuatkuasa murtad apabila seseorang menolak untuk mempercayai sebarang atau setiap ajaran Islam.<sup>3</sup>

Menutur Al Ajuz Murtad bermakna menolak agama Islam kerana menganut agama lain sama ada melalui perbuatan atau lisan. Tindakan murtad ini menamatkan seseorang itu mendapat apa-apa peruntukan yang ditentukan oleh Islam. Demikian juga apabila seseorang itu menolak prinsip asas iman seperti menafikan wujudnya Allah atau Rasul Nabi Muhammad s.a.w., kalimah syahadah, tidak percaya kepada ajaran al-Quran, tidak percaya kepada hari akhirat dan qadha serta qadar Allah, maka orang itu dianggap telah murtad. Begitu pun jika seseorang itu menolak mempercayai salah satu rukun Islam misalnya zakat, solat, puasa di bulan Ramadhan, dan haji atau jika seseorang Islam itu meniru kelakuan yang diamalkan oleh orang bukan Islam adalah dianggap murtad.<sup>4</sup>

Dato' Mufti Haji Muhammad Nor, Dato' Haji Ismail Yusoff dan Tuan Haji Abdullah Basmeih dalam buku Hadis secara terperinci menerangkan perkara yang menyebabkan rosakannya iman dan Islam. Ia terbahagi kepada tiga bahagian:-<sup>5</sup>

- 
3. Muhammad Hamidullah, The Muslim Conduct of State, Edisi 6, Lahore: Sh Muhammad Ashraf Kashmiri Bazar, 1973, hal. 180.
  4. Al Ajuz, Manahiju Al Syariyyah Al Islamiyyah, Juz 3, Beirut: Muassasah Al Maarif, 1983/1403H, Hal. 249.
  5. Haji Muhd. Nor Ibrahim, Dato' Haji Ismail Yusoff, dan Abdullah Basmeih, Mastika Hadis, Jilid 1, Kuala Lumpur, Bah. Hal Ehwal Islam, JPM, hal: 261-265.

Bahagian Pertama - Iktikad bertentangan dengan dasar Islam.

Misalnya:

1. Iktikad bahawa alam ini qadim, tidak ada penciptanya, atau alam ini kekal selamanya;
2. Iktiqad bahawa pencipta alam ini baharu, atau menyerupai mana-mana jenis makhluk atau bersifat-sifat baharu, ataupun mempunyai anak isteri atau berbilang-bilang atau akan mati juga;
3. Iktiqad menafikan kebenaran apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. atau iktiqad bahawa Nabi Muhammad s.a.w. yang sebenar ialah Muhammad batin bukan Muhammad yang zahir, atau iktiqad bahawa kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. hanya untuk orang Arab sahaja, atau iktiqad bahawa hukum-hukum Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. ialah bukum-bukum lapok yang tidak sesuai dengan keadaan zaman.

Bahagian Kedua - Dari segi perkataan iaitu tiap-tiap perkataan yang mencaci, menghina, merendah-rendahkan, mengejek dan mempermain-mainkan nama Allah, sifatNya, Malaikat-MalaikatNya, Rasul-RasulNya, Kitab-kitabNya, ayat-ayatNya

dan hukum-hukumNya dan serta hukum yang diterangkan oleh RasulNya.

Seseorang yang menolak, menafikan dan mengingkari segala perkara yang telah diijma'kan oleh Ulama' serta perkara itu telah diketahui oleh orang ramai adalah dianggap murtad. Misalnya mengatakan:-

- 1 - Hukum apa ini?
- 2 - Hukum ini sudah lapuk?
- 3 - Zaman sekarang tidak patut diharamkan riba kerana menghalang kemajuan,
- 4 - Dalam zaman serba maju ini kaum wanita tidak perlu di bungkus-bungkus,
- 5 - Berzina kalau sama suka apalah haramnya,
- 6 - Minum arak kalau bertujuan menyihatkan badan untuk beribadat apa salahnya,
- 7 - Berjudi kalau masing-masing sudah rela menerima untung ruginya apa salahnya,
- 8 - Kalau hendak sangat menurut hukum Islam sampai kiamat kita tidak akan maju.

Bahagian Ketiga - Dari segi perbuatan iaitu:-

- 1 - Tiap-tiap perbuatan yang dilakukan untuk menghormati dan mengagungkan makhluk dengan cara yang sama di-amalkan kepada Allah seperti sujud kepada makhluk walaupun tidak dengan niat menghormatinya sama seperti Allah atau tunduk kepada mana-mana makhluk sehingga sampai kepada had sekurang-kurangnya rukuk sembahyang dengan tujuan menghormatinya seperti menghormati Allah. Kalau tidak dengan tujuan itu, maka orang itu tidak dianggap murtad, tetapi hukumnya tetap haram.
- 2 - Melakukan upacara ibadat terhadap sesuatu makhluk yang disembah oleh orang-orang kafir menurut upacara yang mereka lakukan.
- 3 - Melakukan mana-mana cara ibadat terhadap yang lain se-lain dari Allah.
- 4 - Maletakkan ayat-ayat suci, hadis-hadis Nabi, nama-nama Allah, Rasul-RasulNya, MalaikatNya dan ilmu-ilmu agama di tempat najis atau kotor dengan tujuan menghina dan merendah-rendahkannya. Jika bukan dengan tujuan tersebut, maka hukumnya tetap haram.

5 - Meninggalkan sembahyang. Orang yang meninggalkan sembahyang fardhu, jika ia engkar wajibnya, maka ia dianggap murtad kerana mengingkari salah satu perkara yang memang diketahui oleh orang ramai bahawa perkara itu adalah satu perkara yang wajib di atas tiap-tiap orang Islam selama akalnya sihat.

Berdasarkan perhincangan pengertian murtad terdapat dua unsur iaitu:-

1 - Seseorang itu menukar agama Islam kepada agama yang lain; dan

2 - Seseorang Islam itu menolak atau manafikan prinsip-prinsip ajaran Islam atau mencaci dan menghina agama Islam.

Ini bermakna seseorang Islam yang menukar agamanya kepada agama lain, walaupun kepada agama ahli kitab dianggap telah melakukan murtad. Selain daripada itu orang Islam yang manafikan atau menolak atau mencaci agama Islam menyebabkan juga seseorang Islam itu melakukan murtad.

1.2. Syarat-Syarat Sah Murtad

Berikut diterangkan syarat-syarat tertentu yang perlu ada untuk mensabitkan seseorang itu melakukan murtad. Syarat-syarat itu ialah:-

i - Beragama Islam

Orang yang melakukan murtad itu hendaklah telah establis agama Islamnya. Oleh yang demikian mengikut Bahansi, orang yang murtad kerana Islamnya belum establis (mungkin disebabkan orang Islam ditempat persekitarannya itu amat kurang), maka ia tidak dikenakan hukuman murtad tetapi wajib dikenakan hukuman ta'zir sahaja.<sup>6</sup>

ii - Akil Baligh ( عاقل بالغ )

Ulama bersepakat bahawa orang gila ( مجنون ) yang murtad adalah tidak sah kerana berakal menjadi syarat sah iktiqad seseorang. Ini sesuai dengan hadis yang menyatakan:-

رفع القلم عن ثلاثة عن الصبي حتى يبلغ وعن  
النائم حتى يستيقظ وعن المجنون حتى يغيب

6. Bahansi, Al-Masuliyyah IA-Jinaiyyah Fi-al-Fiqh Al-Islamiyyah, Qahiish: Dar al-Qalam, 1961, hal: 84.

Maksudnya: Sabda Rasulullah s.a.w. : Tidak berdosa (terkecuali dari dikenakan hukuman) seseorang itu meliputi tiga perkara iaitu, kanak-kanak sehingga ia baligh, orang tidur sehingga terjaga dan orang gila sehingga ia waras.<sup>7</sup>

Ulama juga bersepakat bahawa kanak-kanak (صبي) yang belum baligh tetapi murtad adalah tidak dikenakan hukuman murtad. Ini berdasarkan kepada hadis di atas. Walau bagaimana pun ulama khilaf mengenai kanak-kanak yang baligh.

Abu Hanifah, Muhammad dan Imam Malik bersepakat bahawa kanak-kanak yang berakal tetapi murtad sah kerana akal menentukan iman dan kufur seseorang. Oleh itu baligh bukanlah menjadi syarat untuk menentukan sah murtad. Namun demikian mengikut Abu Yusof dari Mazhab Hanafi menegaskan kanak-kanak yang berakal tetapi belum baligh tidak sah murtadnya kerana baligh menjadi syarat sah murtad. Mazhab Syafei sepakat dengan pandangan Abu Yusof. Dalam hal ini Imam Syafei menyatakan kanak-kanak yang murtad atau memelak Islam sebelum baligh adalah tidak sah. Mazhab Zahiri dan Mazhab Syiah Zaidiyyah bersetuju dengan pandangan Mazhab Syafei.<sup>8</sup> Ini berdasarkan hadis yang dibincangkan di atas.

---

7. Sahih Bukhari, Juz 6 , Hal: 169

8. Abdul Kadir Audah, Toshrie Al-Jinaili, Juz 2, Beirut: Dan Al-Kaatib Al-Arabi, t.t. hal. 716.

Mengenai orang mabuk ( مَكْرُ ) yang melakukan murtad fuqaha berselisih pendapat. Mengikut Abu Hanifah, sahabatnya, dan Mazhab Zahiri berpendapat bahawa murtad orang yang mabuk adalah tidak sah kerana ia tidak berakal ketika itu. Sama juga dengan orang yang gila. Manakala pendapat yang lebih kuat ( راجح ) di kalangan pendapat Mazhab Syafiee, Ahmad, dan Syiah Zaidiyyah ialah sah murtad orang mabuk dengan syarat mabuk itu dilakukan oleh diri sendiri dan ia mengetahui perkara itu mabuk.<sup>9</sup>

iii. Murtad Dilakukan Secara Sukarela ( مختاً )

Mazhab empat, Mazhab Syiah Zaidiyyah dan Mazhab Zahiri bersepandapat bahawa murtad yang dilakukan secara paksa sama ada dengan perkataan atau perbuatan adalah tidak sah.<sup>10</sup> Ini berdasarkan kepada ayat al-Quran Firman Allah Taala:-

الَا مَنْ اَكْرَهَ وَقْلَبَهُ مَطِينٌ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ  
خَرَجَ بِالْكُفُرِ صَدِراً فَمَلِئَمُ غُصَّةً مِنَ اللَّهِ

Maksudnya: Kecuali orang yang dipaksa kafir pada hal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dada-nya untuk kekafiran maka kemurkaan Allah menimpanya.<sup>11</sup>

9. Abdul Kadir Audah, sama, hal. 715.

10. Abdul Kadir Audah, sama, hal. 718.

11. Al-Quran, An-Nahl: 106.

Mengikut asbab al-nuzul, ayat ini diturunkan berkaitan dengan kes Ammar bin Yasir. Ibu bapa Ammar (Yasir dan Sumaiyyah) telah diseksa dengan amat besat kerana beliau dan keluarganya telah memeluk Islam dan mentaati Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun diseksa dengan begitu kejam ibu bapanya tetap berpegang kepada ajaran Islam. Tetapi Ammar seorang pemuda yang kurang matang dan memikirkan penderitaan yang dialami oleh ibubapanya, maka Ammar yang sedang diseksa dengan besi panas oleh Abu Jahal itu telah murtad. Namun demikian hatinya tetap kepada Islam. Ketika mengulas peristiwa ini Rasulullah s.a.w. telah menegaskan:-

Maksudnya: Ammar mempunyai iman yang penoh daripada kepala hingga ke kakinya.

iv. Qasad Murtad ( القاعد المرتد )

Mengikut Sayyid Sabiq, orang Islam tidak boleh diiktibarkan murtad kecuali bila seseorang itu melapangkan dadanya menjadi tanang dan tenteram terhadap kekufuran sehingga ia menghayati perbuatan kufur itu.<sup>12</sup> ini berdasarkan Firman Allah:-

وَلَكُنْ مِنْ شَرِّ بَأْلَكْفَرِ صَدَراً

Maksudnya: Akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran.<sup>13</sup>

---

12. Sayyid Sabiq, Fiqh Sunnah, Juz.9, Maktabah Al-Adab, t.t.

13. Al-Quran, An-Nahl: 106.

Rasulullah s.a.w. juga telah bersabda:

اتما الاعمال بالنیات وانما لكل امرٍ ما نوي .

Maksudnya: Sesungguhnya segala perbuatan itu bergantung kepada niat. Dan sesungguhnya seorang mendapat apa yang diniat itu.<sup>14.</sup>

Ini bermakna niat untuk murtad dan kekufuran wajib ada untuk mengiktibarkan seseorang itu murtad. Oleh itu seseorang yang melakukan kekufuran sedangkan hatinya tidak menghendakinya seperti kes Ammar bin Yasir dan maksud ayat al-Quran : Al Nahl : 106 seperti mana yang dibincangkan sebelumnya, maka seseorang itu tidak boleh dianggap murtad. Jika tidak ada qasad (niat), maka perbuatan murtad tidak berlaku.<sup>15</sup>

Mazhab Zahiri dan Syafiee berpendapat untuk mengiktibarkan seseorang itu murtad tidak cukup hanya melihat kepada perbuatan atau perkataan kufur sahaja bahkan wajib melihat kepada niat kufur bersama qasad perbuatannya. Oleh itu jika tidak ada niat, maka tidak ada kufur.<sup>16</sup>

Walau bagaimanapun bagi Mazhab Maliki, Hanafi sebahagian

---

14. Sahih Bukhari, Juz. 1 hal: 19.

15. Bahawai : Al-Masuliyyah Al-Jinaiyyah, hal. 88

16. Abdul Kadir Audah, Tasyrie Al-Jinaii, hal: 719.

Syafiee dan Syiah Zaidiyyah berpendapat adalah memadai untuk mengiktibarkan seseorang itu murtad berdasarkan kepada perbuatan atau perkataan kufur selagi amalan itu bertujuan merghina, mencaci, menentang atau mengejek-ngejek Islam walaupun ia tidak diniatkan.<sup>17</sup>

Menurut Abdul Kadir Audah, syarat untuk mengiktibarkan seseorang itu murtad ialah seseorang itu mengetahui bahawa perbuatan atau perkataan itu adalah kufur. Demikian juga seseorang yang terlanjur atau mencaritakan perkara kufur kepada orang lain perkara kufur sedangkan ia tidak mengiktiqadkan.

Bagaimana pula jika seorang yang dianggap wali mengeluarkan kata-kata kufur? Mengenai perkara ini dalam kitab Fathu Al-Muin ada menyatakan: Jika seseorang wali mengatakan "saya adalah Allah" maka ia dikenakan hukuman ta'zir sekiranya dalam keadaan tidak sedarkan diri (غافل ) dan kafir jika perkataan itu dinyatakan dalam keadaan mukallaf.<sup>18</sup>

v. Laki-Laki Dan Perempuan

Laki-laki dan perempuan yang melakukan murtad ter-taklok juga kepada kesalahan murtad tetapi Fuqaha berselisih pendapat tentang jenis hukumannya.

---

17. Abdul Kadir Audah, sama, hal. 720.

18. Syeikh Zainuddin Al-Malibari, Fath Al-Muin, Singapura/Penang/Kota Bharu, Sulaiman Mari'i, t.t., hal.127.

1.3. Peruntukan Murtad Dalam Al-Quran Dan Sunnah

Peruntukan Dalam Al-Quran

Mengikut Muhammad Said Hawa, terdapat 13 ayat al-Quran dalam berbagai surah yang menyentuh mengenai murtad, tetapi tidak terdapat ayat yang menyebut tentang hukuman murtad di dunia iaitu tidak dinyatakan secara jelas hukuman pancung (dibunuh) keatas orang murtad. Apa yang dinyatakan dalam al-Quran ialah orang murtad akan dihukum pada hari akhirat sahaja.<sup>19</sup>

Ketika menyatakan perkara yang sama, Al-Samara'i dalam bukunya Ahkam Al-Murtadd menerangkan hukuman bunuh keatas orang murtad tidak didapati dalam Al-Quran tetapi dijelaskan dalam Sunnah sahaja.<sup>20</sup> Menurut Enslopedia Islam ketika mengulas perkara tersebut menegaskan ternyata dalam Al-Quran tidak menyebut bahawa orang murtad akan dihukum bunuh, tetapi hanya menjelaskan ancaman kesiksaan pada hari akhirat nanti.<sup>21</sup>

Berikut kita lihat beberapa ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh dan menerangkan berhubung dengan murtad:-

19. Mohamed S.Hawa, Punishment In Islamic Law, Indianapolis: American Trust Publication, 1982, hal. 48.

20. S.A. Rahman, Punishment of Apostasy In Islam, Lahore: Institute of Islamic Culture, 1978, hal 9-10.

21. Gibb Enclopedia Islam, Leiden: E.J. Brill, 1974 hal: 413.

1. Firman Allah :-

كيف يهدي الله قوماً كفروا بعد إيمانهم  
وشهدوا أن الرسول حق وجاهم البينات  
والله لا يهدي القوم الطالبين • أولئك  
جزاؤهم أن عليهم لعنة الله والملائكة والناس  
اجميين خالدين فيما لا يخفى عنهم العذاب ولا  
هم ينظرون • الا الذين تابوا من بعد ذلك  
واملحووا فان الله غفور رحيم •

Maksudnya: "Bagaimana Allah akan memberi hidayah kepada sesuatu kaum yang kufur ingkar sesudah mereka beriman dan juga sesudah mereka menyaksikan bahawa Rasulullah s.a.w. (Nabi Muhammad) itu adalah benar dan telah datang pula keterangan yang jelas nyata. Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberikan petunjuk hidayahnya kepada kaum yang zalim. Mereka itu balasannya ialah bahawa mereka ditimpa laknat Allah dan Malaikatnya serta sekalian orang (yang beriman). Mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan siksa di antara mereka dan tidak (pula) mereka diberi tangguh kecuali orang yang bertaubat sesudah kafir itu dan mengadakan kebaikan. Kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".<sup>22</sup>

---

22. Al-Quran, Ali Imran : 86 - 89.